

17 APR 2004

Sukan-Permotoran (MSS)

MSS: GELANGGANG UTAMA LAHIRKAN PELUMBA NEGARA

SEPANG, 17 April (Bernama) -- Kejohanan Super Siri Malaysia (MSS) 2004 yang bermula Sabtu depan bakal menjadi agenda utama sukan permotoran tanahair sekaligus melahirkan lebih ramai bakat baru dalam arena tersebut.

Pengerusi Litar Antarabangsa Sepang (SIC) Datuk Mokhzani Mahathir berkata dengan adanya kejohanan seperti itu setiap tahun, ia juga dapat melatih pelumba yang sedia ada bagi menghadapi persaingan yang lebih hebat di peringkat antarabangsa.

"Kita bernasib baik kerana mempunyai infrastruktur yang lengkap bagi melatih pelumba ini, justeru itu kita perlulah menggunakan peluang ini bagi memastikan lebih ramai pelumba negara di masa akan datang," katanya ketika melancarkan kejohanan itu di Litar Sepang, di sini, hari ini.

Selain itu, penglibatan orang ramai dalam sukan permotoran amat digalakkan memandangkan prospek sukan permotoran agak cerah dan dapat menjana ekonomi negara.

"Melalui MSS ini, kami harap untuk menarik seberapa ramai mungkin rakyat tempatan untuk menyertai acara ini. Bukan sahaja sebagai pelumba tetapi juga krew sokongan sama ada sebagai jurutera perlumbaan, mekanik, pentadbir, pegawai pemasaran ataupun pegawai media," katanya.

Mokhzani berkata dengan mengadakan kategori baru setiap tahun, ia dapat menggalakkan pelumba baru bertanding bermula dari peringkat bawah agar mereka tahu selok-belok perlumbaan sebelum terlibat dengan lebih serius.

"Tahun ini kita perkenalkan kategori "Supersports", kategori baru dalam perlumbaan motosikal dengan harapan menarik lebih ramai pelumba baru. Kita adakan semua ini agar mereka mula dari bawah sehinggalah sampai ke peringkat MotoGP dan Superbike," katanya.

MSS yang diperkenalkan dua tahun lepas oleh bekas pengerusi SIC Tan Sri

Basir Ismail telah banyak melahirkan pelumba tempatan yang berbakat.

Selain itu, Mokhzani turut menyelar sikap sesetengah pelumba

yang tidak profesional dalam berlumba dan tidak mengambil endah perkara yang boleh memusnahkan karier mereka sendiri.

"Tabiat merokok di dalam pit dan di sekitar pitlane, contohnya masih berleluasa walaupun notis larangan jelas tertampal di dinding. Bukan sahaja ia menggambarkan sikap peribadi yang buruk, tetapi lebih penting lagi ia menjadi contoh yang tidak baik kepada generasi muda," katanya lagi.

Mokhzani berkata pelumba juga perlulah memikirkan jalan sendiri sekiranya ingin serius dalam bidang ini agar mereka tidak hanya berlumba separuh jalan hanya kerana kesempitan duit.

"Kita berlumba bukan setakat sehari dua sahaja, tetapi dalam tempoh yang panjang sekurang-kurangnya setahun. Dalam masa itu, mereka perlu rancang sendiri bagaimana caranya untuk berlumba," katanya.

Kejohanan MSS 2004 yang akan mempertandingkan lima saingan kelas iaitu

-- Supercar (kereta), Supersixteen (kereta), Superbike (motosikal), Supersports (motosikal) dan Production Bike (motosikal) ini akan berlangsung dalam enam pusingan bermula Sabtu ini.

#### KALENDAR MSS 2004:

##### Kereta:

Pusingan 1: 24-25 April  
Pusingan 2: 29-30 Mei  
Pusingan 3: 18-19 Jun  
Pusingan 4: 31 Julai-1 Ogos  
Pusingan 5: 17-19 Sept  
Pusingan 6: 27-28 Nov

##### Motosikal:

Pusingan 1: 24-25 April  
Pusingan 2: 29-30 Mei  
Pusingan 3: 31 Julai-1 Ogos  
Pusingan 4: 17-19 Sept  
Pusingan 5: 8-10 Okt  
Pusingan 6: 27-28 Nov

-- BERNAMA  
NBB KHY BK